

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana pendapatan Petronas akan terkesan pada tahun-tahun akan datang apabila pasaran di seluruh dunia beralih kepada penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan kurang bergantung kepada bahan api fosil.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai langkah menghadapi cabaran sektor tenaga masa depan dan trend peralihan tenaga rendah karbon, PETRONAS akan menggiatkan usaha melaksanakan strategi pertumbuhan serampang tiga mata atau *three-pronged strategy* seperti yang diumumkan sebelum ini iaitu:

- (i) Memaksimumkan penjanaan tunai;
- (ii) Memperluas perniagaan teras dan menggiatkan usaha mengekalkan organisasi dalam mengharungi perubahan; dan
- (iii) Memastikan kemampuan jangka panjang syarikat melalui penglibatan dalam peluang perniagaan baharu.

2. Selaras dengan strategi tersebut, PETRONAS akan terus meninjau peluang dan portfolio perniagaan tenaga baharu bagi memantapkan daya tahan dalam menghadapi persekitaran pasaran global yang amat mencabar, terutamanya dalam pembangunan tenaga boleh baharu seperti solar dan tenaga angin.

3. Selain itu, pada tahun 2020 PETRONAS telah mengumumkan aspirasi karbon sifar bersih menjelang 2050 (*net zero carbon emission by 2050*). Aspirasi ini mengukuhkan lagi komitmen PETRONAS dalam menyokong sasaran '*National Determined Contributions*' (NDC) Malaysia untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 45% menjelang tahun 2030 berbanding tahun 2005. Aspirasi karbon sifar ini juga merupakan sebahagian perancangan strategik jangka panjang PETRONAS bagi meneroka ruang dan peluang perniagaan baharu yang berteraskan karbon rendah dan teknologi hijau. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI WAN AZIZAH WAN ISMAIL
[PANDAN]**

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Perlindungan Sosial yang telah diambil oleh Kementerian semasa COVID-19 melanda terutamanya kumpulan warga emas yang terkesan bukan sahaja dengan kadar kematian yang tinggi, malah tekanan emosi dan kemurungan serta kedudukan kewangan yang mendesak.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

1. Kerajaan melalui Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) telah mengambil pelbagai langkah bagi memperkukuhkan sistem perlindungan sosial secara bersasar mahu pun umum kepada rakyat termasuk warga emas. Langkah ini diambil sebagai persediaan bagi rakyat terutamanya kumpulan rentan apabila berhadapan dengan pelbagai risiko seperti endemik COVID-19, ketidakcukupan pendapatan dan kesihatan mental. Antara beberapa langkah proaktif yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan kesejahteraan rakyat terpelihara adalah seperti berikut:
 - a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah memperkenalkan konsep Penjagaan Warga Emas Berasaskan Komuniti di bawah strategi penglibatan dan kesepaduan antara agensi memandangkan kebajikan warga emas juga ialah tanggungjawab bersama antara Kerajaan, komuniti dan keluarga. Berikut ialah inisiatif pemerkasaan komuniti bagi tujuan tersebut:
 - i. Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE);
 - ii. Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*);
 - iii. Unit Penyayang Warga Emas (UPWE);
 - iv. Perkhidmatan *Respite Care*;
 - v. Bantuan Warga Emas;
 - i. Bantuan Kerajaan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK); dan
 - vi. Penguatkuasaan Akta Pusat Jagaan.

NO SOALAN : 441

- b) Cadangan penyediaan perlindungan sosial khusus kepada warga emas yang bersepadu dan mampan juga sedang diteliti oleh KPWKM;
- c) KPWKM juga sedang melaksanakan Kajian Kandungan, Pendekatan dan Skop Bagi Pewujudan Satu Akta Khusus Untuk Warga Emas di Malaysia memandangkan sehingga kini Malaysia masih belum mempunyai akta khusus untuk kumpulan sasar ini; dan
- d) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) turut mempelbagaikan saluran caruman untuk mempertingkatkan simpanan sebagai persediaan semasa usia persaraan dan akan memperluaskan liputan keselamatan sosial termasuk kepada pekerja tidak formal.